

Seksualiti Merdeka: Pembangkang Tangguk Di Air Yang Keruh

mStar Online

November 30, 2011

Oleh SALWA SHA'ARI

KUALA LUMPUR: Pihak pembangkang diibaratkan menanggung di air yang keruh dalam isu seksualiti merdeka apabila tidak berani menghentam program terbabit kerana bimbang undi golongan tersebut tidak menyebelahi mereka.

Ketua Puteri Umno Tambun, Azana Abdul Aziz berkata, soal maruah akan menjadi masalah besar kepada perjuangan Puteri di masa hadapan tetapi tidak mahu Umno dicorakkan oleh generasi seperti itu hanya kerana mahukan undi.

"Kita mahukan Umno mencorakkan generasi muda supaya menjadi generasi yang bermaruah dan boleh dibanggakan.

"Kita tidak mahu Umno kena wujudkan sayap baru yang dipanggil pergerakan pemuda tangan patah di masa hadapan," katanya semasa membahaskan usul pendidikan pada Perhimpunan Agung Puteri Umno di sini pada Rabu.

Beliau seterusnya menyarankan agar kerajaan dapat menambah peruntukan untuk pendidikan pra sekolah agar melahirkan generasi yang dapat menyambut dasar pendidikan negara.

"Kita tidak mahu minda anak-anak kecil diracuni dengan pemikiran yang negatif apabila wujud tadika atau pra sekolah oleh pihak yang tidak menyenangi perjuangan kita," katanya dan menambah, contoh yang paling jelas adalah tadika PASTI.

Azana seterusnya menyarankan supaya semua pendidikan pra sekolah diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia bagi membendung perbuatan mengeksploitasi anak-anak kecil untuk kepentingan politik kotor pihak-pihak tertentu.

Beliau juga mencadangkan agar Biro Pendidikan dalam Majlis Tertinggi Umno dan pergerakan sayap-sayap agar dapat diperkasakan semula untuk membantu parti dalam usaha mendapatkan maklumat di peringkat bawahan mahupun pelaksanaan dasar pendidikan negara.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/11/30/mstar_berita/20111130204128&sec=mstar_berita